



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 JANUARI 2019 (KHAMIS)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Ternak ayam kawasan pangsapuri | 33 |
|----------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
03 JANUARI 2019 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Ternak ayam kawasan pangsapuri
Muka Surat	33

Ternak ayam kawasan pangsapuri

SA/03/01/19 M/S 33

Struktur binaan dirobohkan selepas notis dua bulan

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) melaksanakan operasi perobohan struktur binaan tanpa izin di sebuah pangaspuri di Pinggiran Cempaka di sini, semalam.

Ahli Majlis MPAJ, Mohd Aris Ismail berkata, MPAJ telah mengeluarkan kompaun dan notis sejak dua bulan lalu untuk merobohkan struktur tempat letak kereta dan reban ayam yang diperlukan dibina seorang penduduk pangaspuri tersebut.

"Saya dimaklumkan struktur berkenaan wujud sejak lebih setahun. Operasi tersebut dilaksanakan selepas menerima aduan penduduk yang mendakwa terpalsu menghidu bau busuk akibat reban ayam yang kotor," katanya.

Mohd Aris berkata, pihaknya mendapati sebanyak 30 ekor ayam pelbagai jenis ditemui di dalam reban tersebut.

"Kita dimaklumkan ayam berkenaan dijual. Tapi kawasan itu memang tidak sesuai untuk menternak ayam," katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah berjumpa dengan individu yang diperlukan terlibat dengan pembinaan struktur tanpa izin tersebut dan memaklumkan mengenai kesalahan pembinaan di atas tanah rizab itu.

"Saya juga telah berbincang dengan Adun Pandan Indah, Ir Izham Hashim untuk menurap kawasan tersebut, secara tidak langsung kawasan parkir di pangaspuri berkenaan akan bertambah demi keselesaan penduduk," katanya.



Reban ayam turut dibina di belakang struktur tempat letak kereta.



Pengukuasa MPAJ sedang mengeluarkan sebuah kereta yang diparkir di dalam struktur binaan tanpa izin.